

Pakatan pembangkang barisan tiruan

UM 8 JUL 2004

KUALA LUMPUR 7 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melabelkan pakatan pembangkang atau "Barisan Alternatif" sebagai barisan tiruan yang gagal meniru konsep kerjasama ala Barisan Nasional (BN) kerana tidak pernah mempunyai matlamat yang sama, saling menipu dan mempunyai niat yang tidak baik.

Menurut Pengerusi BN itu, sebab itu, mereka gagal bersatu dan mencontohi kerjasama erat dalam BN yang memperlihatkan gabungan tulen dan berkualiti.

Katanya, gabungan BN yang terdiri daripada 13 parti komponen merupakan gabungan unik kerana telah dapat menjalinkan kerjasama yang kukuh dan terus kekal sehingga kini serta diiktiraf oleh negara asing.

"Rupa-rupanya, sepanjang masa parti lawan melihat hasil kerjasama ala BN dan dengan itu, mereka pun bertungkus-lumus cuba memeluk masing-masing untuk berkawan walaupun mereka menjadi musuh ketat (kerana) mereka tak pernah mempunyai satu matlamat yang sama.

"Selagi mereka tidak dapat bekerjasama, parti-parti lawan ini tidak mungkin mengalahkan BN. Pada pilihan raya 2004, kita akan kata *goodbye* kepada barisan tiruan. Barang yang ditiru tidak pernah mempunyai kualiti yang baik," katanya pada ucap-tama Konvensyen BN Keempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pakatan pembangkang itu dianggotai Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Beliau berkata, hasrat pakatan pembangkang meniru pendekatan BN gagal kerana sering memperalatkan sesama sendiri untuk kepentingan parti masing-masing sahaja.

Katanya, ada juga pihak yang sanggup ditipu seperti yang berlaku terhadap Keadilan yang diperalatkan oleh Pas dan DAP.

"Saya berasa amat sedih dengan Parti Keadilan ini. Dunia memikir bahawa parti inilah yang akan menggantikan UMNO. Ini adalah angan-angan...mimpi di siang hari.

"Apa yang sebenarnya berlaku ialah DAP dan Pas cuba guna Keadilan untuk dapat sokongan pihak tertentu bagi parti mereka dan hari ini kita dapat lihat bagaimana berjaya Pas memperalatkan Parti Keadilan ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, DAP juga tidak terkecuali daripada "diperkudakan" Pas tetapi DAP tidak menyedari bahawa masyarakat Cina menolak parti itu kerana kerjasamanya dengan Pas.

Beliau berkata, ini terbukti apabila pemimpin peringkat tertinggi DAP Lim Kit Siang dan Karpal Singh kalah pada pilihan raya umum 1999.

"Amat bijak pemimpin Pas ini. Mereka dapat memperkudakan DAP. Mereka berpeluk (dengan) Kit Siang dari hadapan...sebenarnya mereka menunggang Kit Siang dari belakang," katanya.

Beliau berkata, sikap Pas yang memperalatkan rakan-rakan sekomponennya telah berjaya menyingkirkan DAP daripada mengetuai pembangkang di Dewan Rakyat yang mana tempat itu yang sebelum ini diduduki Lim kini diisi oleh Presiden Pas Datuk Fadzil Nor.

Ditentang

"Kerusi pun sudah bertukar...saya percaya bahawa riwayat hidup DAP sudahpun tamat. *Goodbye* DAP. Selagi DAP rela diperkudakan oleh Pas, selama itulah mereka akan gagal," kata Dr. Mahathir.

Pakatan pembangkang, katanya, menyedari selagi tidak bekerjasama, mereka tidak mungkin dapat menumbangkan BN.

"Barisan tulen yang benar-benar barisan ialah BN. Ini gabungan unik yang tidak terdapat di mana-mana di dunia ini. Ia satu ciptaan Malaysia yang sepatutnya didaftar," katanya.

Dr. Mahathir menarik perhatian, para pemimpin parti cuba memperlihatkan mereka kononnya mempunyai kerjasama yang baik dengan "saling memeluk antara satu sama lain" tetapi hakikatnya mereka mempunyai haluan yang berbeza.

Beliau memberi contoh dalam isu penubuhan negara Islam yang ditentang keras oleh DAP, Pas sering memberikan jawapan berbeza setiap kali ia melaungkan konsep tersebut.

"Pas mendakwa cuba mendirikan negara Islam dalam bahasa Melayu dan Jawi tetapi dalam bahasa Inggeris, dia kata konsepnya tidak seperti negara Iran, Taleban (Afghanistan) atau Arab Saudi.

"Ini kerana (Timbalan Presiden Pas) Abdul Hadi Awang akui terdapat pelbagai kaum di Malaysia dan tidak mungkin mereka dapat menubuhkan negara Islam," katanya.

Dr. Mahathir turut mendedahkan bagaimana para pemimpin asing mengagumi formula kerjasama dalam BN.

Sebagai jawapan, kata beliau: "Mengadakan 14 parti dalam BN adalah jauh lebih mudah diuruskan daripada dua parti dalam satu gabungan".

Katanya, ini kerana jika gabungan dua parti menang besar tetapi tidak mencukupi untuk mendirikan kerajaan, maka ia akan menjemput satu parti kecil semata-mata untuk menambah bilangan kerusi bagi mencapai matlamat itu.

"Parti kecil ini pula apabila menyertai gabungan satu parti selalunya mengugut gabungan ini kerana kalau tarik diri, gabungan ini akan jatuh.

"Sebab itu, gabungan dua parti tidak selamat dan terancam kerana parti yang kecil sering buat tuntutan bukan-bukan".

Sebaliknya, tegas Dr. Mahathir, gabungan seperti BN yang memenangi dua pertiga kerusi dalam Dewan Rakyat tidak mudah diugut oleh mana-mana parti komponen kerana perbuatan sedemikian tidak akan menggugat keutuhan BN. Malah, BN masih mempunyai cukup kerusi untuk memerintah.